

Lambang cinta 'taikun'



MESIN, jentera, dan peralatan yang dipamerkan di luar bangunan muzium adalah asli dan berusia 100 tahun.

■ Bekas tauke lombong buka muzium untuk kenang sumbangan industri bijih timah

Oleh **Ashrizal Aris**
am@hmetro.com.my
Kampar




Muzium Perlombongan Bijih Timah, di sini, yang dibina atas inisiatif tokoh perlombongan bijih timah, Tan Sri Hew See Tong, memberi peluang kepada pelancong dalam dan luar negara khususnya generasi muda mengetahui dengan lebih dalam mengenai industri perlombongan yang cukup popular di negeri ini.

Muzium yang membabitkan kos pembinaan mencecah RM2 juta mula beroperasi sejak 24 Oktober 2012 itu mempunyai tarikan tersendiri.

Pembinaan muzium berkenaan dikatakan sebagai lambang cinta See Tong terhadap industri yang menjadi sejarah dalam warisan keluarganya yang banyak mengajar erti maju dalam kehidupan.

Hew seorang bekas tauke lombong bijih timah di negeri ini selama 40 tahun iaitu dari 1949 hingga 1989.

Pengurus operasi muzium, S Rajandran, 53, berkata, Hew mewarisi industri lombong yang berjaya dibuka oleh bapanya yang juga perlombong dari China datang ke Malaysia untuk mencari rezeki.



“ Hampir 70 peratus peralatan dalam muzium ini adalah yang asli”

Rajandran

“Hasil daripada usaha bapanya, beliau (Hew) mengambil alih mengusahakan industri perlombongan seterusnya mengembangkan industri itu dengan menceburi bidang hartanah.

“Disebabkan cintanya yang begitu mendalam terhadap industri perlombongan ini, dia membina muzium ini dengan hasil titik peluhnya sendiri untuk dijadikan sebagai pusat pendidikan kepada generasi yang semakin lupa industri yang pernah menjadi penyumbang ekonomi negara suatu masa dulu,” katanya.

Menurutnya, kebanyakan peralatan yang berada di dalam muzium itu adalah peralatan yang asli dan berusia lebih daripada 100 tahun selain mempamerkan replika yang memudahkan lagi kefahaman pengunjung yang datang.

“Hampir 70 peratus peralatan dalam muzium ini adalah yang asli dan selebihnya adalah replika yang dibina khas untuk menampakkan bentuk dan seni reka asal alat berkenaan.

“Perkara yang menarik dan sering menjadi tumpuan pengunjung adalah fosil batang pokok yang berusia lebih 6500 tahun. Pokok yang sukar dicari ini mendapat perhatian muzium yang lain sehingga ke luar negara serta mendapat permintaan pihak diraja untuk ditempatkan di istana,” katanya.

Rajandran berkata, replika Si Larut iaitu seekor gajah di hadapan pintu masuk juga menarik perhatian pengunjung yang menceritakan sejarah seekor gajah kepunyaan Che Long Jaafar yang berjaya menemui tapak bijih timah di Larut, Perak.

Pengunjung yang masuk akan didedahkan kaedah aktiviti mendulang, pam kelikir dan pertunjukan pelbagai peralatan perlombongan yang berada di luar dan dalam bangunan muzium.



MONUMEN yang terletak di hadapan muzium.



ARCA yang dipersembahkan memudahkan lagi fahaman pengunjung untuk mengetahui kaedah perlombongan bijih timah suatu masa dahulu.